

09/10/1997

PM nafi dakwaan jual MAS

Faizal Fadzil; Ahmad Burak

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak dakwaan bahawa Penerbangan Malaysia (MAS) akan dijual semula kepada kerajaan kerana menjangka mengalami kerugian akibat kejatuhan nilai ringgit Malaysia.

Sebaliknya, Perdana Menteri menjelaskan beliau menerima surat tawaran Pengerusi Eksekutif MAS, Tan Sri Tajudin Ramli untuk menyerahkan pendapatan MAS kepada kerajaan bagi membantu menangani krisis kewangan negara pada masa ini.

Dr Mahathir berkata, dalam surat itu Tajudin mengatakan ketika keadaan kecemasan pada masa ini, beliau sedia menyerah pendapatan MAS untuk kegunaan kerajaan.

"Mungkin ia dalam bentuk mata wang asing yang boleh digunakan kerajaan dalam usaha menghadapi peniaga mata wang untuk menjaga ringgit.

"MAS mempunyai urusan niaga di luar negara menggunakan mata wang dolar dan wang ini boleh digunakan untuk membeli balik ringgit supaya harganya tidak jatuh.

"Ini tawaran Tan Sri Tajudin dan berbeza sekali dengan kenyataan Yang Berhormat. Ini adalah seorang yang berbesar hati nak tolong kerajaan. Jadi janganlah kita kata kepada dia bahawa dia sudah berasa MAS dah nak rugi, dengan itu nak serah balik kepada kerajaan," katanya menjawab soalan Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) di Dewan Rakyat, hari ini.

Semalam, Tajudin mengumumkan kesediaannya menyerahkan sumber yang dimiliki MAS kepada kerajaan dalam usaha membantu mengukuhkan semula nilai ringgit.

Bagaimanapun, Lim mendakwa Tajudin membuat kenyataan bahawa jika kerajaan sedia mengambil alih MAS, beliau sedia menjualnya kepada kerajaan.

Justeru, Lim mahu tahu sama ada kenyataan itu dibuat kerana kejatuhan nilai mata wang ringgit menyebabkan kos MAS begitu tinggi sehingga ia tidak mampu bersaing.

Mengenai kenyataan beberapa pemimpin kerajaan bahawa kejatuhan ringgit mempunyai kesan positif, Dr Mahathir bersetuju dengan pendapat itu tetapi ia hanya bersifat sementara.

Beliau menjelaskan, pada awalnya, Malaysia mempunyai kelebihan apabila pengeluar barangan eksport mendapat keuntungan kerana kos pengeluaran rendah.

Tetapi, katanya, apabila bahan import untuk membuat barangan semakin meningkat, kos barangan juga meningkat.

(END)